

3 MAR 1996

Salleh-hak

BN SABAH AKAN PERTAHAN HAK SABAH, KATA SALLEH

LAHAD DATU, 3 Mac (Bernama) -- Kerajaan negeri Sabah yang diterajui Barisan Nasional (BN) akan mempertahankan hak-hak negeri ini demi untuk menjamin ia terus terpelihara, kata Ketua Menteri Datuk Salleh Said Keruak.

"Kerajaan BN negeri bertanggungjawab memastikan hak-hak Sabah terus terpelihara seperti dijamin ketika pembentukan Malaysia," katanya pada sambutan Aidilfitri di sini hari ini.

Kira-kira 30,000 penduduk di sekitar bandar ini diketuai Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar, Encik Yusof Amat Jamlee, yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri Lahad Datu, hadir menyambut ketibaan Ketua Menteri dan isteri, Datin Raya Erom pada majlis itu.

Salleh berkata soal cadangan pindaan Perlembagaan Negeri yang hangat diperkatakan sekarang sebenarnya tidak menyentuh penghapusan hak-hak istimewa negeri ini.

Katanya matlamat BN adalah untuk mewujudkan pemerintahan yang bersih, cekap dan amanah, dan satu daripada caranya ialah melalui pindaan berkenaan yang akan memastikan keputusan secara kolektif.

Beliau membidas parti pembangkang yang mempersoal cadangan pindaan perlembagaan itu yang kononnya sebagai helah mengurangkan kuasa kerajaan negeri dalam bidang tertentu pemerintahan negeri ini.

"Pihak pembangkang sengaja memutarbelitkan isu berkenaan demi kepentingan politik mereka semata-mata sedangkan tujuan sebenar kita meminda perlembagaan sudah dijelaskan beberapa kali sebelum ini," katanya.

Cadangan pindaan perlembagaan negeri itu dibuat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini sebagai langkah mengurangkan kuasa Ketua Menteri Sabah yang dianggap terlalu berkuasa berbanding ketua-ketua menteri negeri lain dalam Persekutuan.

Salleh kemudian meninjau Jalan Lahad Datu-Tungku di KM39.6 yang terputus pada 20 Jan lepas akibat tanah mendap. -- Bernama.

KG AHH